KPT teliti hantaran mahasiswa terbabit kegiatan 'sugar baby'

Oleh BERITA HARIAN -Oktober 27, 2026 @ 07:35 Pm



Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang meneliti dakwaan serta kajian tular di media sosial berhubung pembabitan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) dalam kegiatan 'sugar baby'. Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, mengesahkan pihaknya belum mempunyai perincian mengenai jumlah sebenar penuntut yang terbabit dan sedang berusaha mendapatkan maklumat sahih berhubung isu berkenaan.

Bercakap ketika sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 di Dewan Rakyat, Zambry menekankan kementerian memandang serius isu tersebut dan tidak menolak kemungkinan angka yang tersebar hanyalah jangkaan. Pihak KPT akan terus membuat semakan lanjut bagi mengenalpasti kesahihan maklumat serta definisi sebenar kajian yang dikemukakan sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut.

https://www.astroawani.com/video/kpt-mahu-mahasiswa-hayati-agenda-planetary-health